

SUDAH tiga tahun menjadi Timbalan Perdana Menteri dan sebelumnya sebagai Menteri Pelajaran, rakyat telah dapat memahami cara-cara beliau mengendalikan masalah penting yang timbul. Sama ada caranya digemari atau tidak adalah suatu soal lain, tetapi yang jelas ialah beliau mempunyai kemampuan menyelesaikan masalah-masalah itu dengan berkesan mengikut caranya.

Rangkaian tindakannya dapat dilihat dari cara beliau menghadapi kebangkitan pelajar ketika menjadi Menteri Pelajaran, memperkenankan Akta Universiti, menghadapi kesatuan sekerja dalam masalah Laporan Gaji Kabinet dan paling akhir ialah pertikaian perusahaan MAS. Tindakan-tindakannya dikenali sebagai bersifat menyerang, tegas dan keras.

Bila tindakan serupa itu datang dari bawah, maka beliau dianggap sebagai radikal, extreme dan ultra, tetapi bila didatangkan dari atas, maka beliau dianggap sebagai conservative, undemocratic malah ada yang sudah menganggapnya sebagai elitis, tetapi beliau menolak semua anggapan ini.

Bagaimanapun suatu perkara yang diakui oleh Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad ialah "saya suka berterus terang, saya tidak tahu bersembunyi." Pernah seorang wartawan menyatakan padanya, "Dr. you are very blunt" dan jawabnya tegas, "Yes I am, I cannot be otherwise."

Tajam

Sifat-sifat inilah menyebabkan orang-orang yang tidak mengenalnya dengan rapat akan mudah tersinggung dengan kata-katanya

Setelah tiga tahun jadi TPM

yang tajam apabila beliau mengemukakan lojik secara terang-terang di dalam sesuatu perbincangan atau pertukaran fikiran.

Bagaimanapun mereka yang telah memahaminya menyedari bahawa di sebalik ketajaman lidahnya, beliau tidak memasang pagar antaranya dengan rakyat, tidak mempunyai sikap tinggi diri; beliau ramah-tamah dan melayani semua orang dengan saksama.

Sebagai sumber berita, para wartawan menyamakan sikapnya dengan sikap bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman yang tidak pernah menghampakkan pemberita-pemberita kerana cakap-cakapnya selalu mempunyai nilai berita.

Bila saya menelefon memberitahunya bahawa beliau telah genap tiga tahun menjadi orang nombor dua dalam kerajaan pada 5 Mac lalu, Dr. Mahathir seperti tidak percaya bertanya, "betulkah, saya pun tak ingat."

Dua hari kemudian beliau memberikan peluang kepada saya untuk wawancara di rumahnya tanpa banyak cerewet meskipun saya menyedari bahawa beliau masih banyak mempunyai kerja-kerja yang belum selesai di pejabat

yang hendak diselesaikan di rumah.

Kerja

Setelah kira-kira tiga jam dengannya, barulah beliau memberitahu bahawa beliau terpaksa menyiapkan bahan-bahan untuk mesyuarat pagi esok di Pulau Pinang. "Lain kalilah kita sambung lagi," katanya.

Menurut setiausaha peribadinya, beliau setiap hari membawa pulang sebahagian daripada kerjanya untuk disambung di rumah selepas meninggalkan pejabat tidak awal dari pukul 6 petang.

Menurut ADCnya pula, beliau boleh berada di pejabat tepat pukul 8 pagi walaupun baru sahaja tiba dari perjalanan jauh luar negeri lewat malam sebelumnya.

Seorang pembantu yang genap dengannya pernah berkata, "Dr. bukan macam kita, dia boleh memaksa dirinya supaya tidur walaupun sambil duduk dalam kapal terbang."

Pada 5 Mac yang baru lalu genap tiga tahun Dr. Mahathir menjadi Timbalan Perdana Menteri dalam satu perantukan yang penuh dengan teka-teki dan memeranjatkan setengah kalangan.

Pengumuman rasmi mengenainya dibuat oleh

Datuk Hussein Onn secara dramatik pada petang 5 Mac melalui sidang akhbar menerusi siaran langsung radio dan TV Malaysia.

Satu perkara menarik yang belum pernah diceritakannya ialah tentang bagaimana beliau ADA menjangka bahawa Datuk Hussein akan melantiknya menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Semasa perantukan tersebut diumumkan bersama susunan semula kabinet, Dr. Mahathir berada di Segamat, Johor kerana membereskan beberapa tugas rasmi.

Bila pengumuman dibuat, maka ramailah yang berkata, "sebab

'Tun yang membawa saya ke dalam kerajaan terus menjadikan saya menteri penuh. Bagi saya yang bermula dari bawah, ini adalah sesuatu yang cukup besar.'

itulah Dr. Mahathir tidak ada di Kuala Lumpur. Tentu beliau sudah tahu akan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri."

Sebenarnya beliau tidak tahu.

"Tapi saya guess saya mungkin dilantik," katanya.

Dalam sidang akhbar di Rumah Rehat Segamat pada pukul 9.30 malam pada hari perantukannya diumumkan, Dr. Mahathir memberitahu para wartawan bahawa beliau tidak tahu menahu langsung tentang kemungkinan itu.

Hari ini, iaitu selepas tiga tahun, barulah beliau mendedahkan bahawa perantukan itu adalah sesuatu yang dijangkanya.

Dr. Mahathir percaya, antara sebab beliau boleh menjangka akan dilantik ialah kerana ketika itu beliau sudah pun menjadi Naib Presiden UMNO, walaupun menduduki tempat ketiga selepas Ghafar Baba dan Tengku Razaleigh Hamzah.

"Sebagai Menteri Pelajaran pula, saya rasa performance saya tidaklah begitu buruk.

"Bagaimanapun, saya tidak pernah menjangka saya dapat menjadi Timbalan Perdana Menteri dengan begitu cepat kerana ketika itu sayalah yang paling junior dalam kabinet Tun."

"Dalam jemaah kabinet, saya duduk di kerusi yang paling akhir

dalam susunan tempat duduk yang dibuat mengikut senioriti.

"Saya terhutang budi kepada Datuk Hussein kerana memilih saya dengan tiba-tiba sungguhpun kami tidak

rapat."

Walaupun tidak disebutkannya, adalah tidak sukar bagi Dr. Mahathir sendiri membuat analisa yang hampir tepat kerana sudah tentu beliau dapat melihat dengan jelas dan dari dekat pergerakan-pergerakan dalam politik UMNO selepas kematian Tun Razak di London.

Kumpulan Utusan Melayu sendiri tersilap dalam perkara ini dengan meramalkan bahawa Ghafar Baba akan menjadi orang nombor dua atas beberapa sebab seperti senioritinya dalam kabinet serta pernah pula memangkuk jawatan Perdana Menteri.

Selain dari itu Ghafar Baba pula adalah Naib Presiden yang paling banyak mendapat undi, sedangkan Dr. Mahathir menduduki tempat ketiga selepas Tengku Razaleigh yang kini sudah dapat mengatasi Ghafar Baba dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu.

Dengan perlantikan Dr. Mahathir menjadi timbalan, maka Ghafar Baba tidak lagi berada dalam kabinet.

Bagaimanapun ketiga-tiga Naib Presiden UMNO itu diberitakan telah berkumpul sesama mereka dan berjanji untuk menyokong siapa sahaja di antara mereka yang terpilih menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Satu lagi perkara yang juga tidak pernah diberitakan ialah pertemuan yang diminta oleh Tan Sri Jaafar Albar pada pagi 5 Mac dengan Datuk Hussein di Jabatan Perdana Menteri. Tidaklah pula diketahui apakah yang telah disampaikan oleh "Singa" UMNO itu. Tetapi Allahyarham, dipercayai menyuarakan calon yang "dihajatinya" pada Datuk Hussein.

menjadi Timbalan Perdana Menteri sehinggalah setelah kematian Tun Razak yang ditangisinya itu.

"Bila Tun meninggal dunia dan berlaku kekosongan, barulah saya mula berangan-angan.

"Perlantikan saya bukannya sesuatu yang tidak pernah saya fikirkan langsung."

Bila ditanya kenapa beliau begitu meratapi kematian Tun, Dr. Mahathir yang kelihatan agak terharu memberitahu bahawa Tunlah orangnya yang membawa beliau ke dalam kerajaan dengan terus menjadikannya seorang menteri penuh.

"Bagi saya yang bermula dari bawah, ini adalah suatu yang sudah cukup besar."

Beliau memberitahu, Tun memberikannya perhatian yang agak istimewa, antara lain dengan melantiknya menduduki Jawatankuasa Politik UMNO sungguhpun beliau ketika itu bukan seorang menteri sedangkan biasanya anggota jawatankuasa itu terdiri dari para menteri.

Tun juga, katanya, memberikan beliau sepenuh-penuh galakan serta sokongan semasa menjadi Menteri Pelajaran. Dalam nada yang berseloroh Dr. Mahathir menambah, "bukanlah galakan untuk menggulingkan Tunku seperti yang setengah-setengah orang sangkakan!"

Sungguhpun beliau mengaku bahawa aliran pemikirannya selari dengan Tun dalam banyak perkara, yang merupakan salah satu faktor utama yang merapatkan mereka, tetapi beliau juga mengaku pernah tidak menjalankan arahan yang diberikan oleh Tun.

"Saya merasa takut tanpa Tun saya tidak lagi akan mendapat sokongan.

"Ada cubaan nak singkir saya selepas kematian Tun."

Dalam hubungan ini Dr. Mahathir berpendapat bahawa manusia tidak pernah stabil dan dengan itu kesetiaan mereka juga berubah-ubah.

Mengenai Datuk Hussein Dr. Mahathir berkata beliau adalah seorang yang amat teliti dalam setiap tindakannya, lebih-lebih lagi dalam mengendalikan kerajaan.

Di bawah Datuk Hussein katanya, sesuatu perkara itu dibincang hingga "rock bottom" sebelum keputusan dibuat.

"Datuk Hussein merundingi saya, tapi bukan setiap kali dalam setiap perkara."

Dalam tempoh tiga tahun menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau tidak dapat menyebut satu persatu pencapaiannya yang paling baik kerana "bila kita berkuasa kita tidak boleh bising."

Dalam pada mendakwa dirinya tidak begitu bising lagi seperti dulu semasa di label sebagai ultra, Dr. Mahathir telah membisingkan orang lain dalam beberapa perkara seperti Akta Universiti, Laporan Gaji Kabinet dan paling akhir pertikaian perusahaan dalam MAS.

Sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau boleh campur tangan dalam apa sahaja issue yang melibatkan rakyat dan negara dan ini diakui sendiri oleh beliau.

"Minat saya banyak. Dengan kuasa timbalan, saya dapat bergerak lebih luas dan boleh campur tangan dalam semua

Tetapi bila dikata bahawa beliau banyak bercakap dan sering pula emosional terhadap sesuatu issue, dengan lantak beliau menjawab, "Itulah susahya. Apa yang saya kata mendapat tempat dalam akhbar. Apa orang lain kata pada saya disiarkan sedikit, walaupun tidak disiarkan langsung. Jelaslah saya yang banyak bercakap."

Berkali-kali Dr. Mahathir menyatakan bahawa beliau tidak begitu mudah diatasi oleh perasaannya seperti yang dianggap oleh ramai.

"Bila saya bercakap, saya berterus terang, people must get used to it."

Bila dikata bahawa banyak kalangan termasuk wartawan-wartawan asing berpendapat bahawa beliau juga tidak boleh bertolak ansur, dengan spontan Dr. Mahathir menegaskan dengan serius "saya boleh bertolak ansur. Ramai yang mengkritik saya secara peribadi, tetapi saya tidak akan biarkan mereka berkata sesuatu yang merosakkan negara ini.

"Orang kata kepada saya banyak kali, tapi bila saya jawab sekali, semua orang nampak."

Dalam pifhanraya yang lalu, macam-macam orang kata pada saya. Tapi tidak semua yang saya jawab. Malangnya apa orang cakap pada saya tak masuk surat khabar, bila saya cakap semua masuk."

"Sebenarnya saya bukan emosional. Tapi perasaan saya begitu berat ke atas beberapa perkara tertentu."

Bila ditekankan lagi bahawa sebagai seorang doktor dengan sendirinya beliau mempunyai sifat emosional, Dr. Mahathir dengan lebih berterus-terang berkata, "saya tidak boleh meng-

Namun begitu, dari luarannya sekarang, orang memandang Dr. Mahathir sebagai seorang yang sudah berubah.

Kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dengan sendiri dan mungkin tanpa disedarinya telah menukar beliau.

Tidak syak lagi Dr. Mahathir akan terus bertukar jika ditakdirkan beliau meningkat setahap lagi. Mungkin beliau tidak akan "banyak bercakap" dan "very blunt".

"Apa sebab kita segan atau takut nak tegur orang. Orang selalu kata pada kita," katanya menjawab satu soalan tentang bagaimana beliau mudah melenting walaupun ke atas perkara-perkara kecil, lebih-lebih lagi jika ia datang dari orang-orang asing.

"Sebab itulah orang Melayu kena tinas. Mereka malu alah, jadi mereka pun selalu kalah!"

Pendirian Dr. Mahathir terhadap Orang Putih, khususnya British adalah amat tersendiri. Mungkin kerana beliau tidak pernah menuntut di sana seperti Tunku dan Datuk Hussein!

Dr. Mahathir memang jelas sikapnya dalam soal-soal seperti ini, dan menurut beliau sendiri, The Malay Dilemma yang diharamkan itu bukan hanya mengkritik orang-orang Cina, tetapi orang Melayu juga dibi-das.

Dalam hubungan ini adalah perlu bagi beliau menyedari sepenuhnya kemunculan generasi baru yang kecenderungan-nya adalah berlainan dari generasi yang pernah dihadapi beliau. Kegagalan menyedari hakikat perubahan ini, iaitu jika beliau tersisih dari "public conscious-

Hasrat beliau itu sudah tentu diberi perhatian kerana Pergerakan Pemuda UMNO yang dipimpinnya ketika itu sedang berada dalam "kehebatannya" berikutan penyingkiran Dato' Harun.

Bilakah sebenarnya Datuk Hussein membuat keputusan muktamad untuk melantik Dr. Mahathir menjadi timbalannya masih menjadi rahsianya hingga hari ini. Yang jelas ialah keputusan tersebut dibuat pada hari itu juga.

Menurut Dr. Mahathir yang pernah disingkir daripada UMNO oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1969 sebelum diterima balik pada tahun 1972, beliau tidak pernah berangan-angan untuk

Meratapi

"Saya rapat dengan Tun dari para pemimpin lain. Saya tidak tahu kenapa saya meratapi kematiannya lebih dari saya meratapi kematian saudara-mara saya sendiri."

Menurut Dr. Mahathir, beliau telah menulis surat kepada Tun semasa menjadi Senator di Alor Setar pada tahun 1973, menawarkan khidmatnya. Selepas itu beliau pun dilantik menjadi pengerusi pertama FI-MA hinggalah hari ini.

"Dasar Tun adalah secocok dengan pendapat saya dan ketika itu hanyalah Tun tempat saya bergantung, seperti payung yang melindungi saya.

hal untuk memastikan semuanya berjalan baik."

Cara beliau mengendalikan pihak pekerja dalam soal gaji kabinet serta dalam pertikaian perusahaan MAS, Dr. Mahathir jelas menunjukkan tindakan-tindakan yang drastik yang kadangkala membimbangkan.

Ramah

Mungkin beliau terba-wa-bawa dengan pendekatannya sebagai seorang doktor yang suka mencuba-cuba.

Sifatnya tidak meninggi diri dan sentiasa pula ramah membuatnya menjadi buruan pihak akhbar di mana sahaja beliau pergi. Ini menyebabkan cakapan-cakapannya selalu mendapat tempat yang prominent.

hampakan orang."

"Saya tak tahu nak bersembunyi, itulah sifat saya.

"Macam dengan saudara sendiri, saya sedia menghabiskan berjam-jam masa saya dengan saudara kerana saudara mahukannya."

Setengah-setengah orang mensifatkan beliau sebagai adunan "radical thoughts dan conservative instinct" menyebabkan sukar untuk membaca aliran pemikirannya yang sebenar, yang sering pula diubah-ubah, mengikut issue yang dihadapi.

"Saya tidak berubah. Saya tidak pernah mengaku saya ultra. Kerana dulu saya bukan ultra dan sekarangpun bukan, jadi saya tidak pernah berubah," katanya.

ness survival Dr. Mahathir boleh menjadi terjejas.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak dapat lari dari hakikat bahawa bagi setiap apa yang dilakukannya, mesti ada orang yang tidak setuju.

"Bagi saya, saya puas-hati dengan apa yang telah saya buat. Cuma yang tidak memuaskan ialah sambutan terhadap apa yang dibuat itu, kerana kalau pihak penerima tidak memainkan peranan mereka, impek sepenuhnya tidak akan tercapai."

Tentang masa depannya, Dr. Mahathir kelihatan tidak begitu ghairah atau gemar memikirkan sepertimana yang sering diperkatakan di luar, baik dalam UMNO sendiri mahupun di kalangan pemerhati politik.